



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2094 0892

---

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 ( 43 )

Tarikh : 29 Oktober 2010

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2010**

---

**GARIS PANDUAN PENYERTAAN ASING DALAM SEKTOR**  
**PERDAGANGAN PENGEDARAN DI MALAYSIA (PINDAAN) 2010**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan **Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010**.

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menyediakan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Perdagangan Borong dan Runcit yang dikuatkuasakan pada 1 November 1995. Pindaan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Perdagangan Borong dan Runcit 1995 (kemudian dikenali sebagai Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran) mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2004.

## **PENGGUNAAN GARIS PANDUAN**

3. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-63 (MNKT Ke-63) pada **2 September 2010** telah bersetuju dengan pelaksanaan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 oleh semua PBT.

4. Garis panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 adalah seperti di **Lampiran 1**. Garis panduan ini telah menggariskan bahawa semua syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% kepentingan asing yang ingin terlibat dalam aktiviti perdagangan pengedaran perlulah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran (JKPP) yang diurusetiaikan oleh KPDNKK sebelum lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh PBT. Arahan ini juga merangkumi cadangan daripada syarikat asing untuk membuka cawangan baru atau penempatan semula. Walaupun demikian, semua permohonan lesen premis perniagaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

## **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.



## **PERTANYAAN**

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan terus kepada:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan  
Aras 11(Menara), Presint 2  
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62623 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Bahagian Perdagangan Dalam Negeri)  
No. Telefon : 03-8882 5843/5940/5936  
No. Fax : 03-8882 5981/5941/5858

## **PENUTUP**

7. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1Malaysia : Rakyat Didahulukan,Pencapaian Diutamakan”**

Yang Ikhlas,



**(DATO' AHMAD BIN HJ. KABIT)**

Ketua Setiausaha

~~Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan~~

**29** Oktober 2010

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan

**s.k.**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan  
Aras 11 (Menara), Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62623 PUTRAJAYA**